



SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN ADUAN PENGGUNA MASALAH BEKALAN AIR TERAWAT MELALUI MEDIA UTUSAN PADA 4 JUN 2021

A) KAMPUNG PADANG ENGGANG DAN KAMPUNG KOTA

1. Kedua-dua lokasi ini menerima bekalan air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Pintu Geng (melalui Tangki Kota- DMA Pasir Hor dan Outzone Kota)

Masalah yang dikenal pasti adalah penurunan pengepaman air mentah oleh Telaga Jejari (*Horizontal Collector Well - HCW*) sejak awal tahun 2021 yang menyebabkan pengurangan pengeluaran air terawat oleh LRA Pintu Geng.

2. Tindakan penyelesaian awal yang telah diambil oleh AKSB adalah penghantaran air melalui lori tangki air sebagaimana berikut:
 - Sebuah Lori Tangki Air berkapasiti 9 m³ milik AKSB;
 - Sebuah Lori Tangki Air berkapasiti 9 m³ yang disewa; dan
 - Dua buah Lori Air Kontrak (LAK) berkapasiti setiap satu 4.5 m³ yang dibiayai oleh peruntukan dari Kerajaan Negeri.
3. Bagi penyelesaian jangka masa pendek, tindakan berikut akan diambil:
 - i) Pemasangan paip air mentah dari Medan Telaga Kg Tok Jaafar ke LRA Pintu Geng;
 - ii) Pengoperasian semula empat buah telaga tiub sedia ada dan pelaksanaan kerja-kerja berkaitan di Medan Telaga Tok Jaafar bagi meningkatkan bekalan air mentah ke LRA Pintu Geng; dan

- iii) Agihan semula bekalan air terawat akan dibuat selepas siap Projek LRA Kg Telok.
4. Bagi penyelesaian jangka masa panjang, AKSB telah merancang pembinaan LRA Tok Jaafar dengan kapasiti 30 juta liter sehari (**JLH**) melalui peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (**KPLB**) dalam *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kedua Belas (**RMK-12RP2**).

B) KAMPUNG PULAU BELACAN, PANCHOR

- 1) Lokasi ini menerima bekalan air terawat dari LRA Chicha (melalui Tangki Kemumin - DMA Kemumin Kedai Lalat.)

Masalah yang dikenal pasti adalah sebagaimana berikut:

- i) Lokasi ini terletak di penghujung DMA Kemumin Kedai Lalat;
 - ii) Tekanan air rendah (0 mh-1 mh) walaupun pada waktu malam;
 - iii) Tangki statik tidak disediakan di lokasi ini; dan
 - iv) Kedudukan paip utama yang jauh dari lokasi turut menyebabkan tekanan air rendah.
- 2) Tindakan penyelesaian awal yang telah diambil oleh AKSB adalah penghantaran air melalui lori tangki air sebagaimana berikut:
- Sebuah lori tangki air berkapasiti 9 m³ milik AKSB; dan
 - Tiga buah LAK berkapasiti setiap satu 4.5 m³ yang dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Negeri.
- 3) Penyelesaian jangka masa pendek akan dicapai apabila LRA Kg. Telok siap iaitu penyaluran air terawat sebanyak 30 JLH ke Tangki Kemumin dan penyusunan semula agihan air dari LRA Chicha bagi membolehkan agihan air terawat yang mencukupi dan bertekanan ke Kampung Pulau Belacan, Panchor.

C) TAMAN KOBENA, PASIR PUTEH

- 1) Lokasi ini menerima bekalan air terawat dari LRA Wakaf Bunut (melalui Tangki Gedombok - DMA Sri Aman).

Masalah yang dikenal pasti adalah kualiti air terawat yang tidak memuaskan disebabkan oleh paip lama. Tindakan penyelesaian awal yang telah diambil

oleh AKSB adalah meningkatkan kekerapan aktiviti flushing dalam sistem agihan di Taman Kobena;

- 2) Bagi penyelesaian jangka masa panjang, AKSB telah merancang program penukaran paip lama jenis simen asbestos (AC) kepada paip baharu yang berkualiti secara berperingkat melalui pinjaman dari Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

D) KG PANTAI SRI TUJUH

- 1) Lokasi ini menerima bekalan air terawat dari LRA Kelar (melalui Tangki Cabang 4 Tok Mek Ngah – DMA Geting).

Masalah yang dikenal pasti adalah air bertekanan rendah dengan purata tekanan 0 Mh – 2 mH.

- 2) Tindakan penyelesaian awal yang telah diambil oleh AKSB adalah penghantaran air melalui lori tangki air sebagaimana berikut:

- Sebuah lori tangki air berkapasiti 9 m³ milik AKSB; dan
- Tiga buah LAK berkapasiti setiap satu 4.5 m³ yang dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Negeri.

- 3) Bagi penyelesaian jangka masa pendek, AKSB telah membuat perancangan berikut :

- i) Pembinaan LRA Mini Meranti Baru (4 JLH) melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Ianya dijangka dapat meningkatkan agihan air terawat dari LRA Kelar ke Tangki Cabang 4 Tok Mek Ngah;
- ii) Pembinaan LRA Mini Sedar (4 JLH) melalui pinjaman PAAB. Ianya dijangka dapat mengurangkan beban agihan air terawat dari Tangki Cabang 4 Tok Mek Ngah ke Tangki Sedar;
- iii) Penambahan sumber air mentah sebanyak 10 JLH untuk LRA Wakaf Bharu. Ianya dapat meningkatkan agihan air terawat dari LRA Wakaf Bharu ke Tangki Cabang 4 Tok Mek Ngah; dan
- iv) Pembinaan LRA Mini Kg Laut (4 JLH). Ianya dapat membekalkan air terawat ke kawasan hujung sistem agihan LRA Wakaf Bharu dan LRA Kelar.

- 4) Bagi penyelesaian jangka masa panjang, AKSB telah merancang pembinaan LRA baharu sebagaimana berikut:

- i) Cadangan Pembinaan LRA Tumpat berkapasiti 50 JLH dengan permohonan peruntukan KPLB RMK 12 RP2; dan
- ii) Cadangan Pembinaan LRA Kelar Fasa 2 berkapasiti 25 JLH melalui peruntukan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan anggaran kos sebanyak RM39 juta.

E) JAJAHAN KUALA KRAI

- 1) Lokasi ini menerima bekalan air terawat dari LRA Pahi (melalui Tangki Pahi-DMA Keroh, DMA Enggong, DMA Kuala Nal).

Laporan akhbar tidak memberikan butiran yang jelas berkaitan lokasi yang terjejas di Jajahan Kuala Krai. Bagaimanapun, AKSB terus bertindak dengan membuat tinjauan ke kawasan hujung agihan bekalan air terawat iaitu di DUN Mengkebang.

AKSB dapati tiada masalah bekalan air dan purata tekanan air semasa di kawasan hujung adalah 8 mH hingga 12 mH.

Bagaimanapun, gangguan bekalan air terawat boleh berlaku apabila terdapat insiden penyelenggaraan paip luar jangka dan penyelenggaraan berjadual yang bernois kepada pengguna.

Nota: DMA - *District Metering Area* iaitu kawasan pemantauan untuk penentuan kadar air tak terhasil (NRW - non-revenue water)

**Air Kelantan Sdn Bhd
6 Jun 2021**
